

**Kertas Kerja Seminar Bahasa Sidang Ke-49 Majlis Bahasa
Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM)**

Tajuk:

**Peranan Pendidikan Massa dalam Pendidikan Alam Sekitar Melalui
Penggunaan Bahasa Melayu di Brunei**

Oleh:

**Dayang Noralipah binti Haji Mohamed
Awangku Harizan Pengiran Haji Piut**

**Akademi Pengajian Brunei
Universiti Brunei Darussalam**

1. Pendahuluan

Ruang lingkup pendidikan manusia pada masa sekarang adalah amat luas mencakup pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Salah satu aspek yang amat luas diambil berat pada masa kini adalah mengenai dengan isu kemusnahan dan pemeliharaan alam sekitar. Apabila kita membincangkan tentang alam sekitar harus difahami bahawa ia adalah satu perbincangan yang amat luas kerana ia melibatkan apa sahaja yang berkaitan dengan alam sekeliling seseorang individu, masyarakat atau negara. Namun betapa pun besarnya fokus alam sekitar tersebut, dua perkara yang menjadi perhatian kebanyakan negara iaitu kemusnahan dan pemeliharaan.

Jika kita amati pada zaman ini, manusia semakin taksud dengan pengepolitian alam semula jadi manakala pencemaran pula semakin menjadi-jadi. Atas nama kemajuan dan perkembangan, manusia melupakan kepentingan peranan alam sekitar dalam menjaga kestabilan dan keamanan bukan sahaja pada satu-satu masyarakat malah seluruh dunia. Namun seperti pepatah mengatakan "*barang yang lepas jangan dikenang*" begitulah halnya dengan masalah ini yang sudah sekian lamanya wujud dan menghantui mereka yang sedar. Apa yang paling penting adalah untuk mencari jalan yang paling baik dalam menyelesaikan isu-isu yang dinyatakan tadi.

Melihat kepada jalan penyelesaian ini, memang terdapat pelbagai langkah yang boleh dilakukan. Menerusi konteks seminar ini, salah satu cara yang boleh dilihat berkesan ialah melalui pendidikan massa menerusi penggunaan bahasa Melayu.

1.1 Kepentingan Bahasa

Bahasa didefinisikan secara umumnya sebagai satu sistem susunan ayat, sebutan dan kaedah-kaedah penggabungan setiap ayat dan sebutan tersebut untuk difahami dan digunakan oleh masyarakat. Ianya merupakan satu alat komunikasi yang amat penting sehingga disifatkan oleh banyak ahli-ahli sarjana sebagai pendamping kewujudan manusia. Misalnya, *R. Descartes*, *Noam Chomsky* dan *Plato* menyatakan bahawa manusia secara semula jadinya telah dilengkapi serta berkebolehan dengan organ-organ yang sedia ada untuk memperoleh dan melahirkan bahasa.¹ Dalam erti kata lain, kebolehan semula jadi manusia untuk berbahasa itu sendiri sudah menunjukkan betapa pentingnya sesuatu bahasa. Bahasa memberikan

¹Awang Sariyan, 'Bahasa Melayu Baku dalam Konteks Pembangunan Insan', dlm., Asraf, (ed.), 1989, *Bahasa Melayu Baku Asas Pembinaan Tamadun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm.5

kemampuan kepada manusia untuk berhubung sesama sendiri serta menyampaikan maksud bagi kepentingan bersama.

Tanpa adanya bahasa, hubungan yang sedemikian akan menjadi amat sukar kerana kurangnya kefahaman serta kesatuan dalam pemikiran dan tindakan. Dari sini jelas bahawa bahasa juga memainkan peranan yang amat penting dalam pemahaman. Hal ini disokong dengan kenyataan bahawa tanpa adanya bahasa atau bahasa yang betul, seseorang tidak akan dapat melahirkan pemikiran yang baik dan berkesan.²

Bahasa juga merupakan satu alat perpaduan sesebuah masyarakat di samping tugasnya sebagai salah satu pendukung utama kemajuan. Sesuai dengan sifatnya sebagai alat penghubung atau komunikasi, ia mempunyai kebolehan dalam menyampaikan hasrat antara ahli-ahli dalam sesebuah masyarakat serta dapat mewujudkan semangat kesatuan. Bahasa biasanya dikaitkan dengan pembangunan insan dan dalam sejarah, ia dikatakan sebagai berperanan penting dalam mewujudkan sesebuah kebudayaan dan tamadun. Malah bahasa juga dilihat sebagai ilmu permulaan bagi mencapai pengetahuan dalam bidang-bidang lain.³

Dari sini dapat dikaitkan bahawa kesatuan dalam bahasa dan pendidikan alam sekitar boleh membantu dalam menyampaikan mesej yang berkaitan dengan kesedaran serta pemeliharaan alam sekitar yang dimaksudkan.

1.2 Bahasa Suku

Pada awal tadi telah dinyatakan bahawa kewujudan manusia menghasilkan bahasa. Dengan berkembangnya bilangan manusia dan perpecahan serta evolusi mereka ke seluruh pelusuk dunia kepada jenis-jenis masyarakat yang berbeza, melahirkan berbagai-bagai jenis bahasa. Malahan, dalam sesebuah masyarakat tersebut sendiri mengandungi beberapa jenis bahasa. Ini dapat dilihat dengan jelas contohnya di negara-negara yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa atau kaum, sudah tentu mempunyai variasi bahasa antara mereka. Akibatnya timbullah istilah-istilah mengenai dengan bahasa seperti bahasa etnik dan bahasa baku.

² Ibid. hlm.4

³ Ibid. hlm.1

Bahasa baku melihat kepada "...satu ragam bahasa yang digunakan untuk tujuan dan keperluan rasmi".⁴ Secara umumnya ia melihat kepada pengambilan serta penggunaan satu bahasa yang seragam dan diterima dalam atau antara sesebuah masyarakat untuk keperluan situasi-situasi rasmi seperti pendidikan formal, persidangan, mesyuarat, ketatanegaraan, pentadbiran, perdagangan, perundangan, kesusasteraan dan perhubungan diplomatik.⁵ Kaitan yang kuat antara bahasa baku dengan urusan-urusan rasmi melihat kepada keperluan urusan-urusan tersebut terhadap ketepatan maklumat dan kecekapan perhubungan. Sebagai bahasa yang diterima pakai untuk kefahaman semua masyarakat, bahasa baku memenuhi keperluan yang dimaksudkan. Ini kerana bahasa baku biasanya melihat kepada "pemilihan kata, ketepatan makna, tatabahasa, dan juga gaya bahasa" serta ia mementingkan bukan sahaja kefahaman di dalam lingkungan masyarakat tersebut malahan juga kepada masyarakat yang lain.⁶

Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa dan kaum. Kewujudan pelbagai variasi bahasa di negara ini memang sudah tidak dapat dinafikan lagi. Dalam konteks bahasa Melayu, terdapat tujuh jenis variasi bahasa Melayu Brunei. Ini dapat dilihat jika dirujuk kepada takrif bangsa Melayu Brunei menurut Undang-undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961 yang menyatakan bahawa Melayu di Brunei terdiri daripada tujuh puak jati Brunei (Brunei, Bisaya, Belait, Dusun, Kedayan, Tutong dan Murut).⁷ Setiap puak jati Brunei yang tersebut mempunyai sistem bahasa yang berlainan, namun bahasa Melayu Brunei dianggap sebagai bahasa pertuturan (*lingua-franca*) bagi setiap lapisan masyarakat.

Keberadaan bahasa-bahasa yang dinyatakan tidak menafikan kewujudan bahasa Melayu baku di Brunei. Kewujudan bahasa Melayu baku di negara ini tidak dapat dipastikan permulaannya. Namun ianya dapat dikesan seawal pemerintahan Kesultanan Brunei lagi menerusi risalah-risalah atau surat-surat rasmi kerajaan Brunei ketika itu. Satu bukti yang paling jelas ialah Hukum Kanun Brunei yang ditulis dengan tulisan jawi dan menggunakan bahasa Melayu baku pada masa tersebut. Contohnya di dalam Kanun tersebut dirakamkan susunan ayat Melayu baku pada masa tersebut:

⁴ Ibid. hlm.7

⁵ Nik Safiah Karim, 'Bahasa Melayu Baku: Ke Arah Pembinaan Bahasa Kebangsaan yang Sempurna', dlm., Asraf, (ed.) 1989, *Bahasa Melayu Baku Asas Pembinaan Tamadun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm.19

⁶ Awang Sariyan, 1988, op.cit. hlm.8

⁷ Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961

“...Adapun pada hukum Allah Ta’ala dalam kitab yang membunuh itu dibunuh hukumnya

“...Adapun pada hukum Allah Ta’ala orang mencuri tidak harus dibunuh melainkan dikudung tangannya juga”⁸

Kedudukan bahasa Melayu dikukuhkan menerusi Perlembagaan Negeri Brunei 1959 sebagai bahasa rasmi bagi Brunei.⁹ Meskipun tidak ada pernyataan rasmi mengenai jenis bahasa Melayu yang dimaksudkan, tetapi kedudukannya di dalam perlembagaan itu sendiri telah secara tidak langsung merujuk kepada bahasa Melayu baku sebagai bahasa rasmi.

2. Pendidikan Alam Sekitar Menerusi Bahasa Melayu dalam Institusi-Institusi Pendidikan Formal

Kepentingan-kepentingan bahasa dalam sesebuah masyarakat seperti yang dibincangkan awal tadi melahirkan satu kesatuan dan identiti. Dalam konteks negara Brunei Darussalam, pemeliharaan bahasa Melayu sangat dititik-beratkan dalam memelihara serta memastikan identiti bangsa Melayu Brunei akan tetap terpelihara dan kukuh. Pendidikan bahasa Melayu di Brunei dapat dikesan sebelum lagi negara ini diperkenalkan kepada sistem atau corak pendidikan kontemporari yang diperkenalkan oleh barat. Namun pendidikan bahasa Melayu pada masa tersebut hanya terhad kepada penggunaan tulisan jawi. Kemudian pendidikan formal ala barat mula diperkenalkan di Brunei dengan terbinanya sekolah Melayu pertama di Brunei pada tahun 1914.¹⁰ Kemudian perkembangan pendidikan berkembang dengan peredaran masa dengan terbinanya sekolah aliran Inggeris dan sekolah-sekolah Misi dan Cina. Selain itu, sekolah-sekolah agama turut didirikan sehinggalah Brunei mencapai kemerdekaan penuh pada tahun 1984.

Menerusi perkembangan-perkembangan yang dinyatakan, jelas bahawa pendidikan masyarakat Brunei berkembang ke arah penduaan bahasa iaitu penggunaan bahasa Melayu

⁸ Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Haji, P.S.K.D.P.S.S., ‘Islam in the History of Brunei: A Study of the History of of the Asministration of ...’, in Davies, P., (ed.), 1996, *Constructing a National Past: National History and Historiography in Brunei, Indonesia, Thailand, Singapore, The Philippines, and Vietnam*, Brunei: Universiti Brunei Darussalam. Hlm.161

⁹ Perlembagaan Negeri Brunei 1959

¹⁰ Razli bin Haji Ahmad, ‘Dasar Pelajaran Di Bawah Sistem Residen 1906-1950 Dalam Kajian Terhadap Pembangunan Sosioekonomi Brunei’, dlm _____, (ed.), 1999, *Masa Silam Sarama Masa Depan*, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, hlm. 302

dan Inggeris. Manakala dari segi penulisan pula, penggunaan tulisan jawi dan rumi (*roman script*) digunakan. Dalam tahun 1981, sekolah aliran Inggeris dimansuhkan dan digantikan dengan sistem Dwibahasa.¹¹

Kepentingan Bahasa Melayu dalam pendidikan mula diketengahkan sekitar tahun 1970an menerusi Dasar Pendidikan Negara 1972 yang mengandungi 8 dasar:

Dasar 1: Untuk menjadikan secepat mungkin bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan sesuai dengan kehendak perlembagaan¹²

Kemudian sekitar tahun 1990an, tujuan pendidikan negara diperluaskan lagi dan dari aspek pengajaran bahasa Melayu, pendidikan di arahkan pada memastikan setiap individu mempunyai kefasihan dalam berbahasa Melayu dan untuk memastikan mereka tetap berpegang teguh kepada bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara tetapi tidak menafikan bahasa Inggeris dan kepentingannya.¹³ Dari segi kurikulum persekolahan, pendidikan anak-anak Brunei dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan institusi tinggi.

Jika dikaitkan dengan pendidikan berkenaan dengan kesedaran alam sekitar, sejauh yang diketahui tidak ada satu mata pelajaran alam sekitar yang khusus diajarkan dalam bahasa Melayu. Namun secara tidak langsung, unsur-unsur pembelajaran yang dimaksudkan memang didedahkan menerusi mata pelajaran-mata pelajaran yang lain. Di Brunei, pendidikan rendah dimulakan dengan prasekolah kepada darjah satu hinggalah ke darjah enam. Pada penghujung darjah enam, pelajar akan menduduki Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang akan melayakkan mereka ke peringkat seterusnya. Dalam peringkat ini, pendidikan bahasa Melayu sudah mula diajarkan menerusi pembelajaran bahasa pada prasekolah. Meskipun bersifat tidak formal ia bertujuan mendedahkan pelajar pada penggunaan bahasa. Kemudian pelajaran bahasa Melayu diteruskan sebagai mata pelajaran utama dari darjah satu hingga darjah enam. Antara Mata pelajaran-mata pelajaran bahasa Melayu yang boleh dikaitkan dengan kesedaran dan pemeliharaan alam sekitar boleh dilihat dari jadual di bawah:

¹¹ Abdul Ghani bin Haji Bujan, Haji, 'Pendidikan Di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Sepintas Lalu Dari ...', dlm _____, (ed.), 1999, *Masa Sarana Masa Depan*, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, hlm. 309

¹² Ibid

¹³ Ibid

Mata pelajaran	Cakupan Pengajaran
Sivik	1.Kebersihan diri dan sekeliling Disiplin
Goegrifi	1. Pengetahuan tentang kepentingan alam sekitar da ekologi 2. Pemeliharaan alam sekitar dan kebersihan 3. Kesedaran tentang pencemaran alam serta cara mengatasi
Sains	1. Pengetahuan tentang biologi alam serta kepentingan menjaganya

Begitu juga pada peringkat menengah yang dibahagikan kepada dua peringkat iaitu menengah atas dan menengah bawah, mata pelajaran bahasa Melayu dan pelajaran Ugama Islam adalah merupakan mata pelajaran yang wajib dan diadakan peperiksaan. Pada peringkat menengah satu hingga tiga, mata pelajaran Melayu Islam Beraja juga diwajibkan bagi setiap pelajar meskipun tiada peperiksaan, selain itu terdapat mata pelajaran-mata pelajaran lain yang bahasa penghantarnya adalah bahasa Melayu seperti Sastera Melayu, Seni Lukisan dan Kraf tangan dan Geografi. Pada peringkat menengah terdapat dua jenis peperiksaan awam yang dinamakan Penilaian Menengah Bawah (PMB) bagi menengah tiga dan Sijil Pelajaran Am 'O' (GCE 'o' Level) bagi menengah lima. Peperiksaan-peperiksaan awam inilah yang akan menentukan kelayakan pelajar-pelajar untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat lebih tinggi terutama sekali pelajaran bahasa Melayu dan Inggeris. Pada peringkat ini, antara mata pelajaran yang berkaitan dengan alam sekitar dapat dilihat menerusi jadual di bawah:

Mata pelajaran	Cakupan Pengajaran
Melayu Islam Beraja	1. Kebersihan diri dan disiplin serta kesedaran terhadap alam sekeliling 2. Kepentingan alam sekitar dan kegunaannya kepada masyarakat tradisional dan aplikasinya pada masa semasa

Lukisan	1. Kepentingan dan kesedaran terhadap alam semula jadi
Pelajaran Ugama Islam	1. Penekanan terhadap kepentingan kebersihan alam semula jadi 2. Kebersihan diri dan alam sekeliling

Pada peringkat Pendidikan institusi tinggi, ia dimulakan dengan pra-universiti atau tingkatan enam. Pada kebiasaannya pemilihan mata pelajaran-mata pelajaran di peringkat ini adalah ditentukan oleh pelajar itu sendiri namun ada kalanya ia akan ditentukan berdasarkan hasil pencapaian mereka pada peperiksaan awam di peringkat menengah. Terdapat beberapa mata pelajaran yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti Bahasa Melayu, Sastera, Syariah, Usuluddin dan Sivik. Pada peringkat ini juga, satu peperiksaan awam diberikan iaitu peperiksaan Sijil Pelajaran Am Peringkat Lanjutan (GCE 'A' Level).

Pada masa kini terdapat 4 buah universiti di negara Brunei Darussalam iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Sultan Syarif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dan Institut Teknologi Brunei (ITB). Universiti-universiti ini menyediakan banyak kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajaran dan penggunaan bahasa Melayu seperti kursus bahasa dan sastera. Misalnya di Universiti Brunei Darussalam, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik menerusi Fakulti Sastera dan Sains Sosial menyediakan program-program atau kursus-kursus untuk mempelajari bahasa Melayu dan juga Sastera. Malah, kursus wajib bagi semua mahasiswa-mahasiswa UBD (Melayu Islam Beraja) juga disampaikan dalam bahasa Melayu. Dalam kaitannya dengan penjagaan alam sekitar, mata pelajaran-mata pelajaran atau kursus-kursus yang memberi sumbangan dapat dilihat menerusi jadual di bawah:

Mata pelajaran/Kursus	Cakupan Pengajaran
Melayu Islam Beraja	1. Kebersihan diri dan disiplin serta kesedaran terhadap alam sekeliling 2. Kepentingan alam sekitar dan kegunaannya kepada masyarakat tradisional dan aplikasinya pada masa semasa dan akan datang

Bahasa Melayu & Linguistik	1. Penekanan terhadap pengajaran yang berkaitan dengan kesedaran terhadap alam sekitar 2. Pemberdayaan bahasa dan pengajaran istilah-istilah yang berkaitan dengan alam sekitar
----------------------------	--

Selain dari apa yang telah dinyatakan di atas, selain dari penyampaian tentang isu-isu alam sekitar menerusi kurikulum pendidikan, para penuntut juga didedahkan dengan kesedaran serta pemeliharaan alam sekitar menerusi aktiviti-aktiviti ko-kurikulum sama ada yang dijalankan oleh guru-guru atau institusi pendidikan atau yang dijalankan oleh penuntut-penuntut itu sendiri. Aktiviti-aktiviti ini mencakupi pelbagai cara seperti aktiviti-aktiviti kerja lapangan, kerja amal dan seminar atau forum. Antaranya ialah seperti membersihkan satu-satu kawasan, membuat kajian atau penyelidikan yang berkaitan dengan pencemaran alam dan sebagainya. Kesemua ini dapat mendedahkan dan mengembangkan minda penuntut malah masyarakat tentang kepentingan alam sekitar menerusi bahasa Melayu.

3. Pendidikan Alam Sekitar Menerusi Bahasa Melayu dalam Media Massa

Media massa adalah antara penyalur maklumat yang dilihat memberikan kesan kepada masyarakat. Dalam konteks sosiologi, media massa dilihat sebagai agen sosialisasi yang oleh mengenalkan dan mendedahkan seterusnya juga boleh mempengaruhi seseorang individu secara khusus dan masyarakat secara amnya. Menurut Rohana Yusof (2001), 'media massa adalah setanding dengan pengaruh rakan sebaya dan dalam banyak segi ia mengatasi pengaruh sekolah dan keluarga'. Media massa yang dimaksudkan merangkumi surat khabar, majalah, radio dan televisyen. Justeru kekuatan media massa dalam mempengaruhi seseorang individu itu tidak dipertikaikan lagi. Michael Hughes & Carolyn J. Kroehler (2005) juga turut melihat bahawa keluarga, rakan sebaya, sekolah dan media massa adalah agen sosialisasi yang penting.

3.1 Apakah peranan dan kesan dari Media Massa

Seperti yang telah dinyatakan bahawa media massa mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam semua bidang. Dalam konteks kesedaran dan penjagaan alam sekitar, media

massa dapat membantu memberikan kefahaman dan gambaran tentang masalah yang dihadapi secara keseluruhan. Ini jelas dapat kita rasai apabila setiap kejadian di seluruh dunia mudah saja diketahui dengan bantuan media massa. Kekadang gambaran yang diberikan oleh media massa turut mengundang tanggapan yang berbeza dari seseorang individu ke seorang individu yang lain. Tanggapan tersebut oleh saja dalam bentuk positif atau negatif. Malah turut dinyatakan oleh Hughes & Carolyn J. Kroehler (2005) bahawa dalam semua agen sosialisasi yang telah dinyatakan, media massa adalah saluran sosialisasi yang tidak dapat dijangkakan. Ini adalah kerana setiap kesan yang terlihat dari media massa memberikan kesan secara langsung dan tidak terencana. Terdapat banyak kes dan peristiwa yang tidak diingini berlaku akibat pengaruh langsung dari media massa. Pentafsiran yang betul terhadap suatu perkara yang dipertontonkan atau diperdengarkan seharusnya dianalisis dengan akal yang waras terlebih dahulu sebelum seseorang individu itu menirunya. Rahmah Hashim (1996) melihat bahawa 'baik buruk sesuatu jenis media bergantung sepenuhnya kepada kekuatan peribadi individu yang dijadikan sasarannya'. Dalam konteks pensosialisasian, pengaruh media massa boleh menyebabkan seseorang individu itu mempunyai perwatakan yang berbeza dari seorang ke seorang yang lain.

3.2 Media Massa dan Penyaluran Isu Alam Sekitar Dalam Bahasa Melayu

Sejak pemberitaan tentang kepentingan bahasa Melayu, hingga ke hari ini ia terus menjadi bahasa yang digunakan dalam semua perkara selain bahasa ilmu yang lain. Ini tidak terkecuali penggunaan bahasa Melayu dalam media massa yang terdapat di Negara ini. Untuk memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu yang meluas, media massa telah turut digunakan sebagai penyalur dan penyebar penggunaan bahasa Melayu. Pelbagai jenis medium media massa digunakan termasuklah melalui televisyen, radio, majalah dan surat khabar. Selain itu, menyedari bahawa masyarakat telah terdedah dan celik teknologi maklumat maka terdapat juga laman-laman web kerajaan dan bukan kerajaan yang dihasilkan menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

3.2.1 *Televisyen*

Televisyen adalah salah satu medium penting untuk menyebarkan sebarang maklumat. Selain itu juga dengan menonton televisyen ia dilihat dapat menjadikan fikiran tenang dari masalah harian. Rahmah Hashim (1996) turut memetik [pendapat Greenberg, Dominick dan Winn yang

menyatakan bahawa 'menonton televisyen itu sendiri berupaya memberikan kepuasan kerana ia membantu khalayak melarikan diri daripada kerunsingan, kesunyian dan kebosanan'. Selain itu, beliau juga memetik pendapat Morley yang melihat bahawa terdapat kalangan masyarakat yang menonton televisyen bertujuan untuk 'membolehkannya bermesra dengan ahli keluarga, atau untuk mengelakkan ketegangan'. Untuk itu, televisyen tetap menjadi antara pilihan untuk memberikan ketenangan fizikal dan minda penonton.

Selain dari fungsi televisyen sebagai penyebar maklumat dan memberikan ketenangan kepada para penonton, televisyen juga dilihat sebagai penyalur pendidikan kepada pelajar dalam pelbagai peringkat. Hussein Hj Ahmad (1993) menyatakan bahawa satu usaha untuk memperbaiki mutu pelajaran telah dilaksanakan dengan menubuhkan program Televisyen Pendidikan atau digelar sebagai ETV pada Jun 1972 dengan bantuan Bank Dunia. Untuk usaha tersebut lebih kurang 2000 set televisyen telah diedarkan di sekolah-sekolah khususnya di sekolah luar Bandar pada tahun tersebut. Oleh itu tidak lagi dinafikan bahawa televisyen juga boleh dianggap sebagai pelengkap kepada kehidupan pada masa kini.

Dalam konteks fungsi televisyen yang juga dianggap sebagai penyebar maklumat, ini turut disedari bahawa setiap maklumat yang diuwar-uwarkan semestinya harus difahami oleh para penonton. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, penyiar utama kerajaan ialah Radio Televisyen Brunei. Melalui saluran televisyen, terdapat lima saluran program televisyen iaitu yang dinamakan sebagai RTB1, RTB2, RTB3, RTB4, dan RTB5. Setiap penyalur program televisyen tersebut juga mempunyai slogan bergantung pada fungsi setiap saluran masing-masing. RTB1 mempunyai slogan Menjana Inspirasi, RTB2 pula menjadikan 'Aneka Varia' sebagai slogannya, RTB3 dengan '*High Definition*', RTB4 pula disertakan dengan slogan '*Colours and Sounds of Brunei Darussalam*' manakala RTB5 pula dengan slogan 'Saluran Keagamaan'. Walaupun terdapat variasi slogan yang dicipta, namun bahasa Melayu tetap menjadi keutamaan walaupun pada dua saluran program TV tersebut menggunakan bahasa Inggeris sebagai salurannya, ia tetap menayangkan rancangan tempatan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya. Dalam hal ini, memang tidak dapat dinafikan bahawa rancangan-rancangan yang berkaitan dengan isu-isu alam sekitar adalah disediakan. Rancangan-rancangan yang dimaksudkan mencakupi sudut-sudut yang pelbagai seperti hiburan, dokumentari, rancangan berbentuk pendidikan, rancangan berbentuk interaktif dan sebagainya. Misalnya dari segi hiburan, diadakan rancangan-rancangan seperti drama atau nyanyian. Begitu juga rancangan-rancangan lain seperti dokumentari yang berkaitan dengan

kemusnahan alam semula jadi, pencemaran alam sekitar eksploitasi alam seperti binatang serta flora dan fauna) dan sebagainya. Selain itu, rancangan-rancangan yang berbentuk interaktif seperti kuiz atau forum televisyen dan juga bicarawara yang berkaitan dengan penjagaan alam sekitar dapat membantu membuka minda masyarakat tentang krisis alam sekitar yang dihadapi.

Untuk menambahkan kefahaman para penonton saluran televisyen RTB, penterjemahan bahasa tetap dibuat. Jika rancangan tersebut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya, maka terjemahan dalam bahasa Inggeris akan dilakukan. Begitu juga sebaliknya, sekiranya rancangan-rancangan yang ditayangkan menggunakan bahasa Inggeris, maka terjemahan bahasa Melayu akan disediakan. Tujuan penterjemahan itu dilakukan adalah untuk kemudahan penonton yang tidak memahami bahasa Melayu dan begitu juga sebaliknya. Manakala dari segi senarai rancangan televisyen pula memang tidak dinafikan bahawa pihak RTB menyiarkan rancangan dari pelbagai jenis dan bahasa rancangan. Namun begitu, bagi setiap rancangan yang disiarkan dalam bahasa Inggeris, pihak RTB mengambil inisiatif untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Oleh itu, walaupun terdapat di antara penonton yang faham akan bahasa lain yang digunakan dalam setiap rancangan televisyen tersebut, bahasa Melayu masih lagi menjadi keutamaan bagi memberikan kefahaman yang sewajarnya terhadap siri rancangan yang disiarkan. Ini ditambah lagi sifat dalaman yang kuat terhadap bahasa Melayu di kalangan sesetengah penonton yang tetap mahukan bahasa Melayu disertakan walaupun bahasa lain tersebut mereka fahami. Dr. Kamsiah Abdullah (2000) menyatakan ini sebagai sikap etnosentrisme iaitu yang diertikan sebagai 'sifat dan perasaan yang mencintai bangsa, bahasa, mengekalkan identiti bangsa dan penolakan terhadap bahasa asing yang lain'.

Selain dari rancangan televisyen yang disiarkan melalui saluran televisyen RTB, negara ini juga menerima beberapa penyalur siaran rancangan melalui pihak agensi penyiar yang lain melalui siaran satelit televisyen. Dua saluran yang dikenali di kalangan masyarakat Brunei adalah melalui siaran *Astro* dan *parabola*. Siaran rancangan dari kedua-dua saluran program televisyen ini turut mendapat tempat di kalangan masyarakat Brunei walaupun bayaran dikenakan pada waktu tertentu. Kecenderungan segelintir masyarakat yang menjadikan siaran satelit tv sebagai pilihan menjadikan ia sebagai pencabar kepada penyalur program televisyen kerajaan. Justeru, pihak yang berkenaan sentiasa berusaha untuk memantapkan siaran rancangan

televisyen kerajaan demi memastikan program televisyen yang disiarkan kerajaan juga menjadi pilihan masyarakat Brunei.

3.2.2 *Radio*

Selain dari televisyen, radio adalah medium media massa yang menjadi pilihan masyarakat Brunei. Radio dilihat antara penyalur suara manusia yang juga mempunyai fungsi yang sama dengan televisyen dan paling utama lagi, ia dilihat berfungsi sebagai penyalur sebarang maklumat dari pihak kerajaan. Pentingnya radio sebagai penyalur maklumat turut dilihat oleh Haji Abdul Abdul Manap Haji Adam (2000) yang mengambil petikan dari Sam Mshiu (1976)

“Sekarang radio ialah media komunikasi yang sering digunakan. Sejak penyiaran suara diadakan lima abad lalu, penggunaan radio telah meningkat popular dengan cepat dan hari ini ia kekal tidak dapat ditandingi oleh media lain. Ia menjadi buah mulut di rumah, tidak mengenal sempadan dan Negara, bangsa atau puak, masa atau ruang. Walaupun kemunculan televisyen (termasuk televisyen berwarna) tidak menghilangkan keberkesanannya dan kepopularan.”

(Haji Abdul Manap Haji Adam, 2000)

Pada hari ini, perkhidmatan radio telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta. Di pihak kerajaan, Radio Televisyen Brunei berperanan sebagai penyalur kepada beberapa perkhidmatan radio mengikut tujuan setiap perkhidmatan radio tersebut ditubuhkan. Pada dasarnya terdapat lima perkhidmatan radio di bawah kelolaan Radio Televisyen Brunei termasuklah Nasional fm, Pelangi fm, Harmoni fm, Nur Islam fm, dan Pilihan fm. Tiga dari perkhidmatan radio ini menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya, iaitu Nasional fm, Harmoni fm, dan Nur Islam fm. Manakala selebihnya menggunakan dua bahasa sebagai bahasa pengantar memandangkan para pendengar yang dijangkakan adalah dari kalangan golongan belia (Pelangi fm) dan juga bagi mereka yang tidak memahami bahasa Melayu (Pilihan fm). Untuk memantapkan lagi perkhidmatan radio yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya, beberapa rancangan dari pelbagai jenis telah

diperdengarkan, dari bersifat hiburan, pendidikan, pengajaran, rencana dan sebagainya. Seperti halnya dengan televisyen, penyaluran maklumat mengenai dengan isu-isu alam sekitar juga disalurkan. Sebagai tambahan, terdapat juga sesetengah rancangan radio yang memerlukan partisipasi orang ramai dengan menghubungi melalui panggilan telefon, khidmat pesanan ringkas (*sms*) atau mel elektronik (*e-mail*). Sebarang maklumat yang diterima memberikan keutamaan bahasa Melayu sebagai bahasa penyampainya, dari yang bersifat aktiviti, agenda kerajaan atau sekalipun yang bersifat peribadi. Dan semua ini merupakan saluran-saluran yang digunakan bagi menyampaikan akan kepentingan dan kesedaran tentang isu-isu alam sekitar. Ini sesuai dengan pernyataan J. H Duclos dalam buku 'Perkembangan Penyiaran di Negara Brunei Darussalam' (Haji Abdul Manap Haji Adam, 2000) yang berbunyi:

“Radio Brunei wujud sebagai satu sumber maklumat yang sah dan sebagai telinga kepada dunia luar telah menolong dalam jumlah yang bukan sedikit dalam meningkatkan tahap intelek pendengarnya dan dalam mengurangkan kesan khabar angin yang tidak berasas dan kepercayaan yang salah”.

Selain dari perkhidmatan radio yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan, terdapat juga sebuah perkhidmatan radio bersifat komersial. Perkhidmatan radio yang dinamakan sebagai 'Kristal fm' juga turut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya selain turut menggunakan bahasa Inggeris mengikut keperluan rancangan yang disiarkan. Melihat kepada hal ini, jelas bahawa radio telah juga turut memainkan peranannya dalam memastikan penggunaan bahasa Melayu tetap digunakan di kalangan masyarakat Brunei di Negara ini.

3.2.3 *Media Cetak*

Dua penyalur media elektronik yang telah dinyatakan terdahulu mempunyai fungsi yang efektif dalam memartabatkan bahasa Melayu di samping membantu dalam meningkatkan kesedaran masyarakat akan pentingnya penjagaan alam sekitar. Terdapat lagi salah satu penyalur maklumat yang dilihat penting dalam hal ini iaitu melalui media cetak. Brunei hanya diperkenalkan dengan media cetak pada akhir tahun 1940an (Johari A. Achee, 2000). Sebelum itu, ketiadaan surat khabar tempatan mengundang kehadiran media cetak dari luar negara yang mengganti media cetak yang terdapat di Brunei pada ketika itu. walaupun sedikit ketinggalan dari Negara ASEAN yang lain, kita tetap menganggap bahawa media cetak sangat berperanan dalam penyebaran dan pengukuhan bahasa Melayu. Dalam konteks Negara Brunei

Darussalam, media cetak yang dimaksudkan ialah surat khabar. Surat khabar di negara ini diterbitkan oleh institusi kerajaan dan swasta. 'Pelita Brunei' adalah surat khabar percuma yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri manakala 'Media Permata', 'Borneo Bulletin' dan 'Brunei Times' adalah surat khabar yang diterbitkan oleh syarikat pencetakan swasta.

Surat Khabar 'Pelita Brunei' dilihat sebagai lidah kerajaan dalam menyampaikan berita yang berkaitan dengan maklumat dan aktiviti yang berlaku di sektor kerajaan. Penekanan terhadap penggunaan bahasa Melayu menjadikan 'Pelita Brunei' antara surat khabar yang menjadi rujukan masyarakat Brunei. Kandungan di dalamnya juga memuatkan pelbagai perkara termasuklah sama ada berbentuk ilmiah, maklumat, peluang kekosongan pekerjaan di sektor kerajaan dan pelbagai perkara lagi. Untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu pembaca adalah memuaskan, para pembaca turut diberikan peluang untuk menyumbang karya bertulis bagi dikongsi bersama dengan pembaca yang lain. Walaupun diberikan secara percuma, ia jelas memberikan informasi yang berguna kepada masyarakat Brunei. Untuk memudahkan para pembaca mengakses 'Pelita Brunei', pihak yang berkenaan turut mengambil inisiatif menerbitkan 'Pelita Brunei' dalam bentuk laman web di *internet*.

Manakala surat khabar 'Media Permata', sebagai sebuah surat khabar berbentuk komersial juga secara keseluruhannya diterbitkan dalam bahasa Melayu. Selain memudahkan masyarakat Brunei untuk memahami setiap butir informasi yang disertakan di dalamnya, dengan tidak secara langsung, ia turut mendedahkan kepada kita tentang kepentingan mengekalkan pengetahuan terhadap bahasa Melayu. Tahap emosi setiap pembaca terhadap suatu berita bersifat kontroversi ketara apabila tahap pemahamannya pada sesuatu berita itu tinggi. Tambahan pula kandungan surat khabar ini turut memasukkan hiburan sebagai bahan sampingan untuk merehatkan minda selain pembaca berpeluang membaca berita semasa dunia dan sukan.

Menerusi kedua-dua saluran ini, isu-isu yang berkaitan sama ada dengan pendidikan atau kesedaran tentang alam sekitar boleh disampaikan secara meluas kepada masyarakat. Malahan, ahli masyarakat sendiri berpeluang untuk menyampaikan idea-idea mereka sendiri yang berkaitan dengan tajuk penjagaan alam sekitar menerusi artikel-artikel yang boleh dihantar bagi penerbitan.

3.3 Media Massa Sebagai Penyampai Mesej

Dari ketiga-tiga contoh media massa yang dibincangkan di atas, dapat disimpulkan bahawa media massa mempunyai peranan yang sangat penting dalam mendedahkan masyarakat kepada kepentingan penjagaan alam sekitar menerusi bahasa Melayu. Selain ini juga, satu tugas utama yang dapat dikaitkan dengan penggunaan media massa ialah perannya dalam menyampaikan mesej kerajaan, dalam hal ini berkenaan dengan isu-isu alam sekitar. Contohnya, melalui media massa yang dimaksudkan, kerajaan boleh menggunakannya sebagai alat untuk menyalurkan kempen-kempen dalam menggalakkan kesedaran dan penjagaan alam sekitar seperti larangan pembakaran terbuka atau pembuangan sampah sewenang-wenangnya. Selain itu ia juga boleh digunakan sebagai alat penyalur maklumat berkenaan dengan undang-undang bagi melindungi alam sekitar.

4. Pendidikan Alam Sekitar Menerusi Bahasa Melalui Dalam Pendidikan Umum

Apabila membicarakan berkenaan dengan pendidikan massa, selain dari yang sudah disebutkan awal-awal tadi terdapat satu lagi saluran yang amat penting iaitu pendidikan umum. Apa yang dimaksudkan dengan pendidikan umum ini melihat kepada saluran-saluran pendidikan yang bersifat tidak formal dan tidak langsung seperti menerusi ceramah-ceramah umum, seminar dan forum, poster-poster, risalah malah iklan-iklan atau papan-papan tanda di tepi-tepi jalan. Pelbagai usaha telah dilakukan dalam menyampaikan akan peri pentingnya penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar kepada masyarakat. Malah ada di antara usaha-usaha yang dinyatakan memerlukan partisipasi masyarakat untuk menjayakannya.

Usaha-usaha ini dilakukan bukan sahaja pada tahap kebangsaan malah juga pada tahap-tahap di bawahnya seperti menerusi institusi-institusi Kampung, Mukim, Daerah dan juga pihak-pihak swasta. Contohnya, pelbagai kempen dilakukan di peringkat Kampung atau Mukim seperti Kempen Kampung Terbersih dan sebagainya. Ini dilakukan dengan tujuan utama bagi menggalakkan masyarakat untuk menyedari akan kepentingan kebersihan. Selain itu lagi, contohnya di peringkat swasta atau kerajaan, diadakan pertandingan penanaman bunga atau pohon-pohon bagi mencantikkan persekitaran bangunan atau sekeliling. Hal-hal ini dilakukan dengan tujuan yang sama untuk menggalakkan kesedaran tentang kepentingan dan pemeliharaan alam sekitar.

Seminar-seminar atau forum-forum dan juga perbincangan-perbincangan umum juga digalakkan serta dilaksanakan oleh pelbagai peringkat masyarakat sama ada kerajaan, swasta atau persendirian. Acara-acara ini biasanya diadakan dengan melibatkan partisipasi dari segenap lapisan masyarakat seperti orang-orang awam, penuntut-penuntut, pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lain.

Malah kerajaan juga telah melancarkan pelbagai kempen pemeliharaan alam sekitar. Salah satu yang baru-baru ini diadakan ialah kempen penjimatan tenaga gas dan elektrik yang diadakan di seluruh negara. Pelbagai ejen penyampai digunakan seperti menerusi televisyen, radio, surat khabar, risalah, poster-poster dan sebagainya.

Pada skala kecil, usaha-usaha juga dilaksanakan untuk memberi kesedaran kepada orang awam tentang alam sekitar seperti menerusi poster-poster dan papan-papan tanda yang membawa keterangan seperti “Utamakan Kebersihan” dan “Jagalah Kebersihan Negara Kita”.

5. Kesimpulan

Dalam aspek penjagaan alam sekitar, bahasa Melayu sebenarnya berperanan penting malah berpotensi besar dalam menyalurkan maklumat atau pendidikan tentang pentingnya menjaga alam persekitaran. Dan untuk melaksanakan tugas ini, institusi-institusi pendidikan massa mempunyai peranan yang amat signifikan. Sebenarnya banyak lagi institusi-institusi yang boleh membantu dalam menyalurkan kepentingan alam sekitar menerusi bahasa Melayu. Apa yang telah dibincangkan awal tadi mencakupi tiga ejen utama iaitu institusi pendidikan formal, media massa dan pendidikan umum masyarakat. Namun harus juga dihayati bahawa dalam menghayati pendidikan mengenai dengan alam sekitar ini sebenarnya kita telah pun berusaha dalam memberdayakan komunikasi bahasa Melayu masyarakat. Cuma mungkin dalam konteks negara Brunei Darussalam, usaha-usaha perlu dibuat dengan lebih giat lagi bagi memastikan penggunaan bahasa Melayu dalam menyampaikan pendidikan tentang alam sekitar boleh diperluaskan lagi. Kerajaan dan juga setiap lapisan masyarakat harus menyedari bahawa adalah penting untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan ini harus dianggap sebagai kelebihan-kelebihan bagi penyebaran bahasa Melayu itu sendiri agar masyarakat tahu akan peri penting pembelajaran dan seterusnya pendauletan bahasa Melayu. Tujuan utama penyaluran dan penyampaian pendidikan bahasa Melayu ini adalah bagi pemeliharaan dan pengekalan identiti masyarakat Melayu di negara ini. Ini adalah penting

dalam konteks negara Brunei Darussalam bagi memastikan pemeliharaan dan kesinambungan bangsa Melayu sebagai masyarakat yang dominan di negara ini di samping pengekalan dan pemeliharaan alam sekitar.

BIBLIOGRAFI

Abdul Ghani bin Haji Buang, Haji, `Pendidikan Di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Sepintas Lalu Dari..., dlm _____. (ed.), 1999, *Masa Silam Sarana Masa Depan*, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, hlm. 309 – 390.

Awang Sariyan, `Bahasa Melayu Baku dalam Konteks Pembangunan Insan', dlm., Asraf. 1989, *Bahasa Melayu Baku Asas Pembinaan Tamadun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 1 – 15.

Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Haji, P.S.K.D.P.S.S., `Islam in the History of Brunei: A Study of the History of the Administration of ...', in Davies, P., (ed.), 1996, *Constructing a National Past: National History and Historiography in Brunei, Indonesia, Thailand, Singapore, The Philippines, and Vietnam*, Brunei: Universiti Brunei Darussalam.

Azman Wan Chik, (ed.), 1987, *Isu-Isu Dalam Pengukuran dan Penilaian Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Abdul Manap Haji Adam, (2000). *Perkembangan Penyiaran di Negara Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim bin Haji Abdul Hamid, Haji, Dr., (ed.), 2002, *Bicara Sastera Brunei*, Brunei: Universiti Brunei Darussalam.

Johari A. Achee. (2000). *Berita Televisyen dan Pembangunan Negara: Kajian Kes Radio Televisyen Brunei*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamsiah Abdullah, (Dr.). (2000). *Sikap, Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Melayu di Singapura*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.

Mohd. Zuhdi Marsuki, Amer Saifude Ghazali, (2002), *Etika Alam Sekitar: Daripada Perspektif Islam, Timur dan Barat*, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Nik Safiah Karim, `Bahasa Melayu Baku: Ke Arah Pembinaan Bahasa Kebangsaan yang Sempurna', dlm., Asraf, 1989, *Bahasa Melayu Baku Asas Pembinaan Tamadun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 16 – 17.

Rahman Hashim. (1996). *Media dan Keluarga*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Razali bin Haji Ahmad, `Dasar Pelajaran Di Bawah Sistem Residen 1906-1950 Dalam Kajian Terhadap Pembangunan Sosioekonomi Brunei', dlm _____, (ed.), 1999, *Masa Silam Sarana Masa Depan*, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, hlm. 301 – 308.

RTB City. Radio Televisyen Brunei. Dilayari pada 25 Februari 2010. www.rtb.gov.bn

Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961

Perlembagaan Negeri Brunei 1959.